



21 Mei 2020
21 May 2020
P.U. (A) 165

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) (NO. 2) 2020

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 2) 2020**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2020.

Pengecualian

2. (1) Suatu surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan berhubungan dengan penstrukturan semula atau penjadualan semula pinjaman atau pembiayaan perniagaan antara peminjam atau pelanggan dengan institusi kewangan yang disempurnakan pada atau selepas 1 Mac 2020 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2020 adalah, atas permohonan, dikecualikan daripada duti setem.

(2) Pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan sedia ada itu telah disetemkan dengan sewajarnya di bawah butiran 22 atau 27 Jadual Pertama kepada Akta.

(3) Permohonan untuk pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah disertakan dengan surat tawaran daripada institusi kewangan kepada peminjam atau pelanggan untuk penstrukturan semula atau penjadualan semula pinjaman atau pembiayaan itu.

(4) Dalam perenggan ini—

“institusi kewangan” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada “*banker*” dalam seksyen 2 Akta; dan

“penstrukturan semula atau penjadualan semula” ertinya apa-apa pengubahsuaian yang dibuat kepada terma dan syarat pembayaran balik perjanjian pinjaman atau pembiayaan sedia ada menurut suatu konsesi yang diberikan oleh institusi kewangan disebabkan ketidakupayaan peminjam atau pelanggan untuk mematuhi jadual pembayaran balik sedia ada akibat daripada kemerosotan keadaan kewangan.

Dibuat 20 Mei 2020

[MOF.TAX(S)700-1/3/11]LD.2(50); PN(PU2)159/XXXIII]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(1) of the Stamp Act 1949 [Act 378], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption) (No. 2) Order 2020**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 March 2020.

Exemption

2. (1) An instrument of loan or a financing agreement relating to the restructuring or rescheduling of a business loan or financing between a borrower or customer and a financial institution which is executed on or after 1 March 2020 but not later than 31 December 2020 is, on application, exempted from stamp duty.

(2) The exemption under subparagraph (1) shall be subject to the terms and conditions of the existing instrument of loan or financing agreement that had been duly stamped under item 22 or 27 of the First Schedule to the Act.

(3) The application for exemption under subparagraph (1) shall be accompanied by a letter of offer from the financial institution to the borrower or customer for the restructuring or rescheduling of that loan or financing.

(4) In this paragraph—

“financial institution” has the same meaning as that assigned to “banker” in section 2 of the Act; and

“restructuring or rescheduling” means any modification made to the existing repayment terms and conditions of the loan or financing agreement pursuant to a concession provided by the financial institution due to the inability of the borrower or

customer to comply with the existing repayment schedule consequent to deteriorating financial conditions.

Made 20 May 2020

[MOF.TAX(S)700-1/3/11]LD.2(50); PN(PU2)159/XXXIII]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance